

Negara Asean perlu pelbagai destinasi pasaran

BH 26 SEP 2001

Oleh Nadzim Ahmad Jamalludin

PUTRAJAYA, Selasa — Malaysia dan Myanmar bersejajir supaya negara Asean tidak terlalu bergantung kepada perdagangan dengan Amerika Syarikat, sebaliknya mempelbagai-kan destinasi pasarannya.

Persetujuan itu dicapai dalam pertemuan di antara Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, petang ini.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kedua-dua pemimpin bersejajir negara anggota Asean menggunakan pendekatan itu memandangkan suasana dan keadaan ekonomi tidak menentu di Amerika

Syarikat, sekarang.

Beliau berkata, mereka juga membincangkan kemungkinan menggunakan akaun perdagangan dan mewujudkan peraturan pembayaran dua hala untuk meningkatkan perdagangan di antara kedua-dua negara.

“Pertemuan kedua-dua pemimpin itu diadakan dalam suasana mesra. Than Shwe juga menganggap Perdana Menteri sebagai kawan karibnya dan seorang pemimpin contoh.

“Mereka berbincang bagaimana hendak meningkatkan hubungan kerjasama di antara Malaysia dan Myanmar serta turut menumpukan kepada soal meningkatkan perdagangan,” katanya.

Selepas mengadakan pertemuan empat mata, Than Shwe dan Dr Mahathir menghadiri mesyuarat peringkat delegasi.

Mereka kemudian menandatangani majlis menanda-

tangani perjanjian persefahaman (MoU) di antara kedua-dua negara dalam bidang pertukaran maklumat dan kerjasama pelancongan.

Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, menandatangani MoU dalam bidang pertukaran maklumat manakala Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir pula menandatangani kerjasama dalam bidang pelancongan bagi pihak Malaysia.

Menteri di Pejabat Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Myanmar, Brig Jen D O Abel mewakili negara itu menandatangani kedua-dua perjanjian.

Lawatan kerja tiga hari Than Shwe ke negara ini adalah sebagai membalas lawatan Perdana Menteri ke negara itu, Januari lalu.

Malam ini, Dr Mahathir

meraikan pemimpin Myanmar itu dan rombongan dalam satu majlis makan malam di Seri Perdana, Putrajaya.

Esok, Than Shwe akan berlepas ke Langkawi untuk melihat projek pembangunan di pulau peranginan itu sebelum berlepas pulang ke Yangon, Khamis ini.

Syed Hamid berkata, dalam pertemuan yang diadakan itu, pemimpin Myanmar itu juga meminta pelabur Malaysia meningkatkan pelaburan di negaranya.

“Kedua-dua pemimpin juga membincangkan kemungkinan diadakan usaha sama dalam bidang perkayuan, kertas, palpa, minyak dan gas.

“Turut disentuh perkembangan politik semasa di Myanmar. Mereka juga membincangkan tragedi yang berlaku (pada 11 September lalu di Amerika).” katanya.